

Headline	Pusat khidmat sehenti MIDA mudahkan pelabur		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	28 Nov 2013	Language	Malay
Circulation	173,387	Readership	699,000
Section	Dlm Negeri	Page No	15
ArticleSize	128 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 7,589		



# Pusat khidmat sehenti MIDA mudahkan pelabur

KUALA LUMPUR 27 Nov. - Pusat Khidmat Nasihat (ASC) yang ditubuhkan di bawah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah banyak berperanan dalam mempercepatkan urusan perniagaan dan mengurangkan kerenah birokrasi.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, **Datuk Seri Mustapa Mohamed** ber-

kata, pusat khidmat sehenti di bangunan MIDA itu secara khusus membantu pelabur-pelabur asing dan tempatan mengenai dasar serta prosedur kerajaan dalam merealisasikan projek di Malaysia.

Sebagai contoh kata beliau, sekiranya seorang pelabur menghadapi masalah dalam

urusan mengimport, pelabur tersebut tidak perlu pergi ke Putrajaya.

“Pada 19 November lalu dalam Forum MIDA 2013, seramai 600 pelabur dari luar negara memuji kewujudan pusat khidmat sehenti di MIDA. Kesimpulannya, dengan adanya pusat khidmat ini akan memudahkan urusan pelaburan di negara ini,” katanya menjawab

soalan **Khoo Soo Seang (BN-Tebrau)** dalam sidang Dewan Rakyat hari ini.

Menurut Mustapa, wakil-wakil kerajaan yang ditempatkan di pusat khidmat sehenti MIDA adalah Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen, Jabatan Tenaga Kerja, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia Berhad.

Jelasnya, pusat khidmat sehenti juga adalah inovasi yang telah melonjakkan perkhidmatan awam dan kemudahan melakukan perniagaan negara dari kedudukan ke-12 hingga keenam di dunia dari segi pengeluaran permit pembinaan.

“Sehingga hari ini, terdapat 100 unit pusat khidmat sehenti yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal-hal urusan permit pembinaan,” katanya.



MUSTAPA MOHAMED

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Malaysian Industrial Development Authority (MIDA) (Malaysian	1	0	0
Ministry of International Trade and Industry (Ministry of	1	0	0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional )	3	0	0
TM Berhad (Telekom Malaysia Bhd) (TM Berhad (Telekom	6	0	0